



TEKS UCAPTAMA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

SEMPENA

**PROGRAM PEMUKIMAN AGENSI DI BAWAH KLUSTER PARLIMEN
DAN UNDANG-UNDANG BERSAMA YB MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

20 APRIL 2022 (RABU)

**DEWAN MANHATTAN II, ARAS 14
HOTEL BERJAYA TIMES SQUARE, KUALA LUMPUR**

6.00 PETANG – 9.00 MALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-undang)

Yang Berbahagia Tan Sri Idrus bin Harun
Peguan Negara

Yang Berbahagia Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh
Peguan Cara Negara

Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar
Peguan Cara Negara II

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang iaitu :

Yang Berusaha Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)
Bahagian Hal Ehwal Undang-undang

Yang Berusaha Puan Hasbi binti Hasan
Ketua Pendaftar
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Anita binti Harun
Ketua Pengarah
Jabatan Insolvensi Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Zohari bin Said
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

Yang Berusaha Encik Qalam Zainuddin bin Sani
Setiausaha
Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Yang Berusaha Encik Wan Jeffry bin Kassim

Ketua Pengarah

Jabatan Bantuan Guaman

Yang Berusaha Encik Khairul Anwar bin Zakaria @ Abdul Hamid

Ketua Pengarah

Bahagian Perlindungan

Yang Berusaha Dr. Cheah Swee Neo

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Yang diraikan Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir dan isteri serta para pegawai yang bersara pada tahun ini serta semua hadirin yang dimuliakan.

1. Pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas kurniaan nikmat kesihatan dan rahmat kelapangan di bulan Ramadan, maka kita diizinkan untuk bersama-sama dalam **Program Pemukiman Agensi Di Bawah Kluster Parlimen Dan Undang-undang Bersama YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-undang)** pada petang ini.

2. Hari ini bersamaan 18 Ramadan 1443 Hijrah, maka genaplah 18 hari kita menjalani ibadah puasa di bulan keberkatan dan bulan yang penuh dengan seribu rahmat ini. Besar harapan saya semoga dengan adanya majlis seumpama ini dapat mengeratkan silaturahmi sesama kita.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

3. Selaras dengan agenda Transformasi Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, saya telah pun membentangkan dua rang undang-undang Pindaan Perlembagaan.

4. **Yang pertama berhubung dengan Perjanjian Malaysia 1963 dan yang kedua membolehkan pengecualian Raja Pemerintah, Yang di-Pertua Negeri, bakal Raja, waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain daripada didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.** Kedua-dua rang undang-undang ini berjaya mendapat sokongan majoriti 2/3 daripada ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Negara.

5. Apa yang boleh saya katakan kejayaan kita bertitik tolak daripada keupayaan untuk mendengar semua pandangan pemegang taruh yang

berkenaan. Ini juga menunjukkan bahawa **langkah mengadakan sesi libat urus yang intensif dan inklusif merupakan satu pendekatan yang strategik** yang membolehkan kita meraih sokongan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

6. **Rang undang-undang pindaan Perlembagaan yang ketiga berkaitan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti** pula telah pun saya **bentangkan di Dewan Rakyat pada 11 April 2022 yang lalu**. Dewan Rakyat telah memutuskan supaya rang undang-undang ini dirujuk ke satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

7. Saya diamanahkan untuk mempengerusikan jawatankuasa ini dan mesyuarat pertama telah berlangsung pada 15 April 2022 yang lepas. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini akan mengadakan mesyuarat selanjutnya pada 21 April 2022 dan beberapa siri mesyuarat lagi akan diadakan di masa akan datang.

8. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya atas komitmen jitu khususnya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara dan BHEUU dalam memastikan kesemua rang undang-undang ini dapat dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

9. Selaras dengan Memorandum Transformasi dan Kestabilan Politik, Transformasi Parlimen menjadi satu agenda utama saya. Saya telah pun **membentangkan kepada Jemaah Menteri perkembangan tentang cadangan pindaan undang-undang berhubung Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] dan juga Skim Perkhidmatan Parlimen dan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen** berhubung cadangan mewujudkan perkhidmatan sendiri bagi Parlimen Malaysia.

10. Saya menyasarkan supaya rang undang-undang ini dapat dibahaskan dalam sesi sidang Parlimen pada Julai ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

11. Pada petang ini juga kita turut meraikan persaraan Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Mantan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang serta tiga pegawai lain.

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Mohd Rabin di atas komitmen beliau sepanjang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah BHEUU.

13. Selamat bersara dari perkhidmatan awam, semoga sentiasa diberi kesihatan yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan berbahagia bersama keluarga tercinta di bawah naungan Ilahi.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

14. Memandangkan Hari Raya Aidilfitri bakal diraikan tidak lama lagi, saya rasa tidak terlalu awal untuk saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Kukuhkanlah muafakat, bersederhana dalam apa jua tindakan, saling bermaafan dan eratkanlah silaturahim sesama kita.

15. Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir bersama dalam majlis ini. Ucapan penghargaan juga kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus merancang dan menjayakan program ini. Sebelum saya menamatkan ucapan pada petang ini izinkan saya menyampaikan serangkap pantun saya tujukan buat Yang Berbahagia Datuk Mohd Rabin dan semua pesara yang diraikan,

Berdayung sampan ke tanah Semenanjung;

Hendak membeli tikarlah rotan;

Budi dikenang bakti disanjung;

Kekal subur dalam ingatan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.